

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 14/1/2016

Muka surat: 4

Tajuk : UNIMAS terima kunjungan pelajar Sekolah Perancis Kuala Lumpur

# UNIMAS terima kunjungan pelajar Sekolah Perancis Kuala Lumpur

**KOTA SAMARAHAN:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerima kunjungan istimewa daripada 23 pelajar Sekolah Perancis Kuala Lumpur termasuk dua guru pengiring bahasa Inggeris semalam.

Kumpulan pelajar tersebut diketuai Patricia Lowis dan Mathiew David.

Patricia mengucapkan penghargaan kerana diberi kesempatan oleh pihak UNIMAS untuk menjalankan lawatan sambil belajar ke institusi pengajian tinggi tempatan itu di sini.

Katanya kunjungan itu akan memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar Sekolah Perancis Kuala Lumpur untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai UNIMAS.

"Ini merupakan lawatan kedua saya ke UNIMAS. Saya melihat UNIMAS

sebagai universiti terbaik untuk dicontohi dan banyak perkara boleh dipelajari di sini.

"Saya berharap pelajar kami akan mendapat pengalaman ilmu di sini," ujarnya.

Beliau turut menambah, pengetahuan yang diperolehi dapat membuka minda pelajar untuk berfikir tentang meneruskan pengajian mereka di peringkat lebih tinggi dalam bidang-bidang yang diminati mereka terutama di UNIMAS.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa UNIMAS Dr Soubakeavathi Rethinasamy juga memberi taklimat ringkas mengenai operasi universiti itu semalam.

**LAWATAN:** Para pelajar Sekolah Perancis Kuala Lumpur ketika melawat UNIMAS.

